

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

20. Jelaskan secara terperinci tentang isi kandungan perjanjian pemasangan lampu LED di antara MBSP dengan syarikat swasta.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang pemasangan/pertukaran lampu jalan kepada lampu LED di KADUN Machang Bubuk.
 - (b) Jangkaan bila pemasangan lampu LED mencapai 100% di seluruh kawasan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Pemasangan / pertukaran lampu jalan jenis konvensional kepada lampu jenis LED di KADUN Machang Bubuk adalah tidak termasuk dalam pelaksanaan bagi projek Fasa 1. Walau bagaimanapun, penggantian lampu jalan jenis LED di KADUN Machang Bubuk akan dibuat dalam pelaksanaan projek Fasa 2 yang turut melibatkan kesemua lampu jalan milik MBSP di seluruh Seberang Perai. Berdasarkan perancangan MBSP, Fasa 2 juga akan dibuat secara RFP dan dijangka akan diiklankan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tamat.
- (b) Berdasarkan perancangan MBSP, pemasangan lampu LED akan mencapai tahap 100 peratus di seluruh kawasan Seberang Perai setelah pelaksanaan projek penggantian lampu jalan LED Fasa 2 selesai pada penghujung tahun 2021.